



26 Jun 2026
26 June 2026
P.U. (A) 232

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI BAYARAN SEWA)
(KENDERAAN MOTOR ELEKTRIK) 2026

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR RENTAL PAYMENTS)
(ELECTRIC MOTOR VEHICLES) RULES 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI BAYARAN SEWA)
(KENDERAAN MOTOR ELEKTRIK) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dibaca bersama-sama perenggan 33(1)(d) Akta, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Bayaran Sewa) (Kenderaan Motor Elektrik) 2026**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2027.

Potongan

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan suatu syarikat daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi suatu amaun perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat itu berhubung dengan sewaan kenderaan motor elektrik dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Perbelanjaan yang dilakukan oleh suatu syarikat berhubung dengan sewaan kenderaan motor elektrik termasuk—

(a) bayaran sewaan bagi kenderaan motor elektrik; dan

(b) bayaran insurans dan fi pemprosesan yang berhubungan dengan proses sewaan kenderaan motor elektrik itu.

(3) Amaun maksimum yang dibenarkan di bawah subkaedah (1) dalam suatu tahun taksiran dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya tidak boleh secara agregat melebihi tiga ratus ribu ringgit.

(4) Jika jumlah amaun yang boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini melebihi amaun yang pada pendapat Ketua Pengarah boleh dijangkakan dengan munasabahnyanya dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan, Ketua Pengarah boleh, setakat lebihan itu, tidak membenarkan amaun itu sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(5) Jika syarikat itu telah membuat tuntutan bagi suatu potongan berhubung dengan amaun perbelanjaan yang dilakukan di bawah subkaedah (1), tiada tuntutan boleh dibuat bagi suatu potongan berhubung dengan perbelanjaan yang dilakukan di bawah perenggan 39(1)(k) atau Jadual 3 kepada Akta.

(6) Bagi maksud kaedah ini—

“kenderaan motor elektrik” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan 1997 [*Akta 333*] dan kenderaan motor elektrik itu—

- (a) ialah kenderaan motor elektrik yang baharu;
- (b) belum pernah digunakan oleh mana-mana orang bagi apa-apa tujuan sebelum sewaan kepada syarikat; dan
- (c) tidak dilesenkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan bagi maksud mengangkat barang atau penumpang secara komersial;

“syarikat” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan bermastautin di Malaysia.

Dibuat 11 Jun 2026

[MOF.TAX(S)700-2/7/1294; LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-396; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR RENTAL PAYMENTS)
(ELECTRIC MOTOR VEHICLES) RULES 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] read together with paragraph 33(1)(d) of the Act, the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Rental Payments) (Electric Motor Vehicles) Rules 2026**.

(2) These Rules have effect from the year of assessment 2023 to the year of assessment 2027.

Deduction

2. (1) For the purpose of ascertaining the adjusted income of a company from its business in the basis period for a year of assessment, a deduction shall be allowed for an amount of expenditure incurred by the company in relation to the rental of electric motor vehicles in the basis period for the year of assessment.

(2) The expenditure incurred by the company in relation to the rental of electric motor vehicles includes—

(a) the rental payments for the electric motor vehicles; and

(b) the insurance payments and processing fees relating to the process of the rental of the electric motor vehicles.

(3) The maximum amount allowed under subrule (1) in a year of assessment and subsequent years of assessment shall not in the aggregate exceed three hundred thousand ringgit.

(4) Where the total amount which would have been allowed as a deduction under these Rules exceeds the amount of which in the opinion of the Director General would reasonably be expected to be incurred in the ordinary course of business, the Director General may, to the extent of the excess, disallow that amount as a deduction under these Rules.

(5) Where the company has claimed for a deduction in relation to the amount of expenditure incurred under subrule (1), no claim shall be made for a deduction in relation to the expenditure incurred under paragraph 39(1)(k) or Schedule 3 to the Act.

(6) For the purpose of this rule—

“electric motor vehicle” has the meaning assigned to it in section 2 of the Road Transport Act 1997 [Act 333] and the electric motor vehicle—

- (a) is a new electric motor vehicle;
- (b) has not been previously used by any person for any purpose prior to the rental to the company; and
- (c) is not licensed by the relevant authority for the purpose of carrying goods or passengers commercially;

“company” means a company incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777] and resident in Malaysia.

Made 11 June 2026

[MOF.TAX(S)700-2/7/1294; LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-396; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]